

28/08/2000

Rangkaian berita sendiri penting buat Asia, Afrika

Johari Mohd

SELAMA ini, negara membangun terpaksa menerima apa saja yang disogokkan oleh agensi berita asing, seperti Cable News Network (CNN), Reuters, AP dan AFP yang sering memberikan gambaran negatif dalam melaporkan sesuatu kejadian atau peristiwa di negara berkenaan.

Ti adanya rangkaian penyaluran berita dari Asia dan Afrika bermakna tiada jugalah alternatif bagi membolehkan mereka mendapatkan berita yang diperlukan untuk disajikan kepada pembaca, penonton atau pendengar masing-masing.

Tidak hairanlah cadangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya negara Asia dan Afrika mengadakan rangkaian berita untuk negara membangun ketika menyertai Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (SAID) di Maputo, Mozambique dari 20 hingga 23 Ogos lalu, mendapat maklum balas positif daripada negara peserta.

Perdana Menteri berkata, Afrika dan Asia perlu mengambil kesempatan daripada teknologi di depan mata untuk memberi saingan kepada media Barat yang sering membuat laporan berat sebelah terhadap negara membangun selama ini.

"Saya sendiri sudah tidak membaca laporan daripada media Barat," katanya di majlis itu.

Jika media Barat sering memberi laporan tidak tepat mengenai Malaysia, katanya, beliau tidak hairan jika mereka turut memberi pandangan sedemikian kepada negara lain juga.

Kenyataan beliau itu disokong oleh Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe, yang menyatakan media Barat sering memberi laporan berat sebelah terhadap Afrika. Beliau memberi contoh liputan pilihan raya di Zimbabwe yang media Barat memberi gambaran bahawa pilihan raya berkenaan tidak bebas dan tidak adil.

Walaupun ada peserta menyatakan kos untuk mewujudkan rangkaian berita bagi negara membangun itu tinggi, Dr Mahathir melihat ia mudah dilaksanakan dengan menggunakan Internet tanpa membabitkan banyak kos.

Oleh kerana kebanyakan akhbar utama sudah menyertai dunia siber, negara Asia dan Afrika juga perlu menggunakan kemudahan itu untuk bertukar maklumat atau berita.

"Apa yang perlu kita lakukan ialah memindahkan berita yang ada. Sebagai contoh, sesuatu isu di Afrika Selatan dari laman web kepunyaan akhbar negara berkenaan boleh dikeluarkan di negara ini," kata Dr Mahathir.

Ketua Pengarang Great Analysis of Tanzania, Makwaia Kahenga, yang bersetuju dengan cadangan itu mengatakan keadaan tidak akan berubah selagi pemimpin Asia dan Afrika mempercayai media asing daripada media sendiri.

Beliau kesal kerana ada sesetengah pemimpin Afrika lebih senang diwawancara oleh wartawan asing daripada wartawan tempatan. Sehubungan itu, beliau memuji Dr Mahathir kerana 'mendidik pemimpin Afrika'.

Oleh itu, beliau tidak hairan mengapa Dr Mahathir dibenci oleh media asing. Sebagai bukti, sebelum datang ke Maputo, Kahenga memberitahu beliau dihubungi Reuters yang ingin tahu mengapa Dr Mahathir diundang ke negara berkenaan.

"Mereka kurang senang dengan undangan berkenaan kerana bimbang Dr Mahathir akan 'mendidik pemimpin Afrika'. Malangnya, kita hanya ada seorang Mahathir Mohamad di dunia ini," katanya.

Ketidakadilan media Barat, khususnya dalam laporan mereka terhadap Malaysia, memang tidak boleh dipertikaikan lagi. Kes terbaru ialah

mengenai hukuman penjara sembilan tahun ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang didapati bersalah atas tuduhan meliwat. Media Barat dalam laporannya menggambarkan Anwar tidak menerima perbicaraan yang adil.

Keputusan mahkamah itu juga dipertikaikan oleh pelbagai pertubuhan bukan kerajaan antarabangsa, malah pemimpin beberapa negara Barat. CNN, hanya setengah jam selepas mahkamah mendapati Anwar bersalah, terus mempertikaikan keputusan itu. Ini pun dibuatnya sebelum hakim memberikan hujahnya kenapa beliau membuat keputusan berkenaan.

Sambil memperkecil-kecilkan hujah pendakwaan, CNN menyifatkan keputusan hakim sebagai sukar diterima. Ia menuduh mahkamah dikuasai kerajaan walhal ramai mengetahui institusi mahkamah di negara ini adalah bebas.

Anehnya, liputan yang membuat pelbagai tohmahan itu dilakukan oleh korespondennya di London, bukan di Kuala Lumpur.

Rangkaian televisyen kabel Amerika itu juga membuat andaian bahawa ramai rakyat Malaysia akan menentang keputusan itu.

Syukurlah negara ini bebas daripada sebarang huru-hara yang memang diharapkan oleh media asing.

Media asing baru-baru ini turut melaporkan Malaysia sebagai tempat berbahaya berikutan berlaku penculikan di Pulau Sipadan, Sabah.

Laporan itu menimbulkan kemarahan Dr Mahathir yang antara lain mempertikaikan mengapa stesen siaran Eropah tidak menyatakan yang sebenar, iaitu penculikan berkenaan adalah sesuatu yang jarang berlaku.

Dalam kejadian itu, 21 orang, termasuk sembilan rakyat Malaysia, diculik dari Pulau Sipadan di perairan Sabah oleh kumpulan penculik dari selatan Filipina, 23 April lalu.

Dr Mahathir berkata, penculikan itu tidak diatur oleh Malaysia dan ia sesuatu yang tidak dijangkakan, seperti letupan bom di London oleh Tentara Republik Ireland (IRA) tetapi tidak bermakna media memberitahu seluruh dunia dan mengeluarkan nasihat jangan melawat London kerana tidak selamat.

Sebaliknya, jika berlaku rusuhan kecil di Malaysia, media asing akan menggembar-gemburkannya sebagai negara dalam keadaan huru-hara dan keselamatan rakyat terganggu.

Yang jelas, laporan itu tidak benar tetapi ia menjejaskan imej Malaysia di mata dunia dan mempengaruhi pelancong agar tidak datang ke negara ini.

Isu Anwar dan penculikan di Pulau Sipadan itu adalah antara contoh media asing cuba memburuk-burukkan Malaysia.

Banyak lagi perkara lain mengenai Malaysia yang sering menjadi sasaran kritikan media Barat dan dikutip oleh media massa negara membangun untuk menjadi tatapan rakyat mereka.

Perkara ini tidak akan berlaku sekiranya Asia dan Afrika mempunyai rangkaian berita sendiri tanpa bergantung kepada media asing.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, yang menyedari mengenai laporan negatif media asing itu berkata, kerajaan akan meningkatkan usaha memberi maklumat yang benar mengenai perkembangan semasa negara kepada rakyat dan pelajar di luar negara bagi menangkis dakwah yang disebar di media asing.

Penjelasan itu dibuat mengikut kumpulan sasar tertentu, bergantung kepada maklumat yang dikehendaki dan perlu diterangkan. Selain itu, perwakilan di luar negara turut dibekalkan dengan akhbar tempatan bagi membolehkan rakyat negara ini mendapat gambaran sebenar mengenai keadaan di sini selain diadakan sesi dialog dan perbincangan.

Beliau percaya, dengan adanya rangkaian maklumat Asia dan Afrika, rakyat Malaysia di luar negara tidak akan hanya menerima bulat-bulat laporan daripada media asing, termasuk menerusi Internet.

"Hanya dengan cara ini, saya percaya kita dapat memberikan maklumat tepat mengenai perkembangan negara Asia dan Afrika tanpa perlu bergantung

sepenuhnya kepada media asing," katanya.

Pengerusi Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim, menyifatkan cadangan Dr Mahathir itu baik kerana dalam era globalisasi dan liberalisasi, banyak perkara yang mempengaruhi pemikiran dan kehidupan rakyat Asia dan Afrika.

Dengan adanya rangkaian maklumat sendiri, ia dapat menangani cabaran yang semakin hebat daripada media asing yang sering memberikan laporan negatif.

"Laporan media Barat, khususnya mengenai Malaysia, sering disalah tafsir dan dikelirukan. Ini membahayakan rakyat negara ini, khususnya di luar negara, yang tidak mempunyai alternatif lain untuk mencari maklumat.

"Sekiranya kita ada rangkaian maklumat sendiri, kita dapat menangkis laporan atau serangan negatif media terbabit dan sekali gus menyedarkan rakyat atau pelajar kita," katanya.

Dengan cara ini, rakyat Malaysia tidak hanya melihat media Barat sebagai maklumat terakhir dan mereka tidak boleh mendabik dada lagi mengatakan mereka sebagai rangkaian berita yang terunggul.

Dalam hal ini, beliau berharap negara Asia dan Afrika mempunyai komitmen politik untuk mewujudkan rangkaian berita berkenaan bagi menangkis serangan media Barat yang angkuh dan sombong.

(END)